

22 APR 1998

DAP TIDAK AKAN POLITIKKAN KRISIS EKONOMI, KATA KIT SIANG

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, yang terkejut dengan kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa parti-parti pembangkang sedang berusaha meraih undi dengan menggunakan krisis ekonomi kini, hari ini berkata bahawa parti itu tidak akan mempolitikkan masalah ekonomi negara.

Sebagai sebuah parti politik, DAP memang mahu memenangi lebih banyak kerusi pada pilihan raya umum tetapi tidak akan melakukannya di atas kesengsaraan rakyat, kata Lim dalam satu kenyataan di sini.

"Para pemimpin DAP, sejak awal krisis ekonomi ini telah menyatakan kerjasama penuh mereka kepada kerajaan bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi dengan memaklumkan faktor yang memburukkan lagi keadaan," katanya.

Lim mengulas kenyataan perdana menteri semalam bahawa parti-parti politik bahawa parti-parti pembangkang tidak memberikan sebarang kerjasama kepada kerajaan dalam usahanya mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

Dr Mahathir juga berkata bahawa pihak Pembangkang menggunakan masalah ekonomi kini bagi meraih undi dan mencari populariti.

Lim, yang juga Anggota Pembangkang untuk Tanjong, berkata parti itu masih lagi menunggu Barisan Nasional (BN) untuk menjadi "betul-betul bertanggungjawab, terbuka dan telus bagi menggerakkan kerajaan, masyarakat dan rakyat sebagai satu unit bagi memulihkan sepenuhnya keyakinan dan ekonomi negara."

-- BERNAMA

MAM NAK